

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN NGA KOR MING  
[ TELUK INTAN ]**

**TARIKH : 11 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah bilangan rakyat yang telah diambil tindakan sejak bulan Mac hingga Oktober 2020 akibat tidak mematuhi SOP yang ditetapkan KKM, dengan pecahan ikut jenis kesalahan dan jenis hukuman berserta jumlah dendaan yang berjaya dikutip.

**JAWAPAN**

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kompaun akan dikenakan terhadap mana-mana orang awam yang melanggar SOP yang telah ditetapkan dalam mengekang penularan wabak Covid19. Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengeluarkan tawaran kompaun sebanyak 33,822 dari Mac sehingga 24 Oktober 2020.
2. Dari jumlah tersebut, sebanyak 20,074 tawaran kompaun telah dibayar oleh Orang Kena Kompaun (OKK) dengan nilai RM17,377,500.00. Sebanyak 14,322 kompaun telah dikeluarkan bagi kesalahan tidak mematuhi SOP dengan nilai kompaun sebanyak RM11,713,500.00 sejak dari Mac sehingga 24 Oktober 2020.
3. Manakala kompaun yang telah dikenakan oleh pihak Polis Diraja Malaysia ke atas orang awam sejak dari Mac sehingga 29 Oktober 2020 adalah sebanyak 40,854 kompaun.

Sekian, terima kasih.